



جباتن كحاكين شرعية مليسيا

KETUA PENGARAH/KETUA HAKIM SYARIE
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia
Department of Syariah Judiciary Malaysia
Aras 7, Blok C, Kompleks Islam Putrajaya
No. 20, Jalan Tunku Abdul Rahman, Presint 3
62100 PUTRAJAYA
MALAYSIA

PERBICARAAN

Tel : 603-8870 9300
Faks : 603-8870 9316
Portal Rasmi : www.jksm.gov.my
E-mel : mukhyuddin@esyariah.gov.my

Ruj. Kami : JKSM.600-1/2/4 JLD 3 (26)
Takwim : 26 Rabi'ulawwal 1439H
Tarikh : 15 Disember 2017

YAA Ketua-Ketua Hakim Syarie,
Mahkamah-mahkamah Syariah Negeri-Negeri.

ARAHAN AMALAN NO. 3 TAHUN 2017
Proses Pengeluaran Sepina Di Mahkamah Syariah

Saya ingin menarik perhatian YAA kepada keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Induk Arahan Amalan Mahkamah Syariah Tahun 2017 pada 4 hingga 6 Muharam 1438H bersamaan 25 hingga 27 September 2017 di Institut Latihan Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (I-KPKT), Bukit Tinggi, Pahang telah bersetuju bahawa sepina tidak perlu dikeluarkan ke atas saksi-saksi yang hadir secara sukarela ke Mahkamah. Bagi saksi-saksi yang ingkar hadir ke Mahkamah secara sukarela, satu permohonan boleh dibuat kepada Mahkamah seperti carta pengeluaran sepina di Lampiran. Kebenaran boleh diberikan tertakluk kepada jaminan pembayaran elaun kehadiran saksi tersebut.

Arahan Amalan ini berkuatkuasa serta merta.



(DATO' HJ. MUKHYUDDIN BIN IBRAHIM)
Ketua Pengarah/Ketua Hakim Syarie
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia.
PUTRAJAYA

SYARIAH ASAS KEADILAN



CERTIFIED TO ISO 9001:2008

Carta Aliran Pengeluaran Sepina Di Mahkamah Syariah



Mula.

Terima MS 20 (Permintaan Untuk Mengeluarkan Sepina)

- Tidak memerlukan salinan kad pengenalan.
- Setiap MS 20 boleh menyenaraikan lebih daripada seorang saksi yang disepina.
- Membuat bayaran fi mahkamah.

- Memasukkan data saksi ke dalam sistem.
- Mengeluarkan sepina yang dimeteraikan kepada pemohon untuk diserahkan kepada saksi.
- Jika peguam syarie telah menyediakan Borang MS 21/22/23, Pendaftar hanya perlu memasukkan data ke dalam sistem dan memeteraikan sepina itu.

Pemohon/Peguam Syarie membuat serahan sepina.

Pemohon/Peguam Syarie menfailkan affidavit penyampaian sepina.

Saksi hadir ke Mahkamah dan memberikan keterangan.

Jika saksi tidak hadir boleh dikeluarkan waran tangkap atas permintaan pemohon/Peguam Syarie. Kebenaran boleh diberikan tertakluk kepada jaminan pembayaran elau kehadiran saksi tersebut

Tamat.